

Tuduhan DAP tidak berasas"

Oleh Kamal Ahmad

B.H. 14 NOV 1992

SUBANG, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tuduhan DAP mengenai ada kegiatan tidak sihat dalam urusan penjualan tanah di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan pemaju projek Kuala Lumpur Golf and Country Club Sdn Bhd (KLGCC), sebagai tidak berasas.

Menurut Perdana Menteri, urusan kerajaan dalam perkara itu hanya untuk memastikan sama ada projek berkenaan tidak bercanggah dengan dasar, termasuk memastikan ia tidak merugikan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ahli Parlimen (DAP-Bukit Bintang) Wee Choo Keong, yang mendakwa DBKL memajak secara rahsia 146 hektar (365 ekar) tanah berharga tinggi di Bukit Kiara kepada pemaju KLGCC tanpa terlebih dahulu mengadakan tawaran terbuka serta mendapat nasihat Peguam Negara.

Wee dalam ucapan

membahaskan Belanjaan 1993 di Dewan Rakyat, Selasa lalu, mendakwa tanah itu diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dengan harga yang sangat murah untuk dijadikan tanah perkuburan sebelum dijual kepada DBKL dengan harga RM59,725 bagi setiap 0.4 hektar.

Menurutnya, 99 peratus daripada saham KLGCC dimiliki oleh Syarikat Solarvest Sdn Bhd (Solarvest). Syarikat itu adalah sebahagian daripada Lum Chang Holding Ltd (Lum Chang) dari Singapura.

"Penjualan tanah itu penuh dengan desas-desus dan adalah sangat jelas ada seseorang yang mendapat rasuah berjuta-juta ringgit yang ditanggung dalam perbelanjaan negara ini," dakwanya.

Mengulas mengenai kenyataan itu, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak nampak apa-apa yang menjadi asas kepada tuduhan ini. Sebenarnya di negara kita bukan saja orang Singapura, orang

asing lain pun boleh menjadi pemaju. Ada juga padang golf yang diusahakan oleh pihak Jepun dan pihak lain.

"Yang kita ingin tahu apakah ia bercanggah dengan dasar kita, ataupun merugikan kita. Kalau kita dapati ia merugikan kita, patutlah ada teguran. Tapi kadangkala-kadangkala dalam projek seperti ini modal awal diperlukan dan kita perlu mendapat pelaburan daripada pihak asing," katanya.

Mengenai laporan Pengerusi Mara, Tamrin Ghafar berhubung isu pembelian 450 keahlian Kelab Golf Rahman Putra oleh Mara Holding Sdn Bhd (MHSB), Dr Mahathir berkata ia masih dalam kajian.

Sebelum ini, MHSB membeli keahlian kelab golf itu yang bernilai RM28.125 juta sehingga mencetuskan rasa tidak puas hati ramai pihak yang menyifatkan pelaburan berkenaan sebagai tidak tepat.